

Integriti:

Perlu dicari atau datang sendiri?

PPs. Muhamad Shariffuddin Shaari

SERING kali kita mendengar orang menyebut integriti dan boleh dikatakan saban hari juga ungkapan ini terbit dari bibir si penutur atau paling tidak, kita akan menemuiya ketika sedang membaca surat khabar, majalah, buku dan bahan bacaan ilmiah lain. Apakah yang dimaksudkan atau boleh difahami dengan integriti? Apakah istilah ini mencerminkan sifat atau berkait rapat dengan keperibadian seseorang?

Memetik maksud integriti daripada Wikipedia Ensiklopedia bebas, integriti sebenarnya berasal daripada istilah Bahasa Inggeris yang bermaksud ‘keutuhan’ dari semua segi yang baik. Dalam Bahasa Melayu, ia biasanya menujurs ke arah perwatakan seseorang. Manakala maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1985 ialah ‘kejujuran dan ketulusan’, ‘kesempurnaan’, ‘keutuhan’.

Berdasarkan maksud daripada kamus di atas, integriti adalah sifat ‘jati diri’ yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya dan lain-lain. Jadi, integriti menyimpulkan satu maksud yang positif atau amat baik selain tidak dapat lari daripada sistem kehidupan manusia di seantero dunia. Sifat-sifat positif yang disebut di atas bakal memacu seseorang ke arah kebaikan, keunggulan, dihormati dan dikagumi.

Bagaimana pula seseorang dikatakan berintegriti dan tidak berintegriti?. Perlukah integriti dicari atau membiarkannya datang bergolek sendiri dan bagaimana ia meresap ke dalam diri serta membentuk sifat jati diri yang teguh?. Lazimnya kita mudah membuat pengukuran mengenai tahap integriti seseorang berdasarkan perwatakan dan apa yang dilakukannya sama ada bersifat baik yang menyenangkan atau buruk lagi menjengkelkan.

Kita pernah melihat dinding di dalam sebuah tandas awam yang diconteng dengan pelbagai tulisan yang menyakitkan pandangan atau terserempak dengan mereka yang membuang sampah di merata-rata kawasan. Kita juga berasa hampa dan marah apabila sekumpulan Mat Rempit membingitkan ketenangan dengan deruman enjin motosikal yang menggegarkan. Kemudian kita terpaksa memendam rasa dan membungkam tatkala melihat tiada seorang pun yang cuba membantu seorang lelaki mahupun wanita buta melintas jalan raya.

Semua contoh tadi hanyalah sebahagian daripada realiti kehidupan manusia yang boleh kita simpulkan betapa ia menunjukkan seseorang yang tidak berintegriti dan tidak beretika selain tiada keprahitinan terhadap keadaan di sekelilingnya. Kehidupan boleh menjadi kacau-bilau dan tergugat keharmoniannya jika dinaungi golongan seperti ini yang seterusnya melahirkan satu kelompok masyarakat yang hidup tertekan dan trauma. Segala urusan kehidupan pasti berdepan masalah dan kesulitan yang memualkan.

Bagaimana pula seseorang yang memiliki integriti dilihat melayari kehidupan yang menarik dan mudah didampingi orang lain?. Kesimpulannya



Integriti harus dipupuk dari usia muda.

mudah dan jika bagi seseorang Muslim, ia tidak dapat lari daripada penghayatan dan ketaatan kepada ajaran Islam. Kepatuhan demikian menjadikannya seorang insan yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta sentiasa bersyukur dan berhati-hati di dalam sebarang tindak-tanduk. Tatacara dan tataetika kehidupan golongan ini sentiasa disukai dan disenangi semua pihak.

Keimanan dan ketakwaan yang bercambah di dalam diri menjadi benteng dan jati diri yang kukuh daripada melakukan sesuatu perkara yang sia-sia atau terjerumus ke kancang kebinasaan seperti menjadi kaki buli, ponteng sekolah, vandalisme, peragut, pencuri, perasuah, pecah amanah, pembunuhan, perogol dan lain-lain. Hatta bagi mereka yang bukan Muslim sekalipun, setiap agama dianuti tidak pernah membenarkan penganutnya melakukan perkara yang bertentangan dengan norma-norma kehidupan atau di luar peradaban manusia.

Justeru, kita hendaklah berusaha menjadi manusia berguna dengan memiliki nilai integriti yang tinggi bagi menjamin kehidupan yang sejahtera dan harmoni. Tidak keterlaluan mengatakan bahawa integriti sebenarnya boleh dicari malah dicapai melalui program pengukuhannya sama ada menerusi ceramah, dialog, seminar, bengkel atau kursus selain melalui proses pengukuhan keimanan, jati diri, moraliti dan etika hidup seseorang yang menuntut penglibatan pelbagai pihak dan peringkat sama ada ibu bapa, guru-guru di sekolah, masyarakat sekelling, pihak berkuasa dan kerajaan.

Keimanan dan ketakwaan yang bercambah di dalam diri menjadi benteng dan jati diri yang kukuh daripada melakukan sesuatu perkara yang sia-sia atau terjerumus ke kancang kebinasaan seperti menjadi kaki buli, ponteng sekolah, vandalisme, peragut, pencuri, perasuah, pecah amanah, pembunuhan, perogol dan lain-lain.

Ibu bapa misalnya, mereka adalah orang pertama yang setiap hari bersua muka dengan anak-anak di rumah dan proses ini seharusnya bermula sedari anak-anak masih bayi. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Ibu bapa mesti menjadi *role model* dan mendidik serta mencorakkan kehidupan anak-anak dengan lakaran yang baik dan terpuji berlandaskan syariat (bagi yang Muslim) agar bila besar kelak anak-anak menjadi individu yang berguna dan berbakti. Sementara guru-guru, anggota masyarakat, pihak berkuasa dan kerajaan boleh memainkan peranan mereka mengikut konteks masing-masing.

Jadi, jelaslah ketinggian integriti seseorang seiring dengan keimanan di jiwa menjadi tonik paling mujarab bagi membentengi kita daripada terjebak dengan perkara-perkara yang merugikan diri sendiri, agama, bangsa, organisasi dan negara. Tanamkan azam dan sematkan tekad untuk menjadi manusia yang hanya ingin mencegak kebaikan dan mencegah kemungkaran di muka bumi Allah SWT ini kerana itulah antara kewajipan kita sebagai hamba-Nya.